



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**UNTUK**

**SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN  
DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT, PULAU  
PINANG MULAI 1 NOVEMBER 2020 HINGGA 31 OKTOBER 2022 BAGI  
TEMPOH DUA (2) TAHUN**

## **NO. SEBUT HARGA: JKSNPP/KK/DTL/BIL.11/2020**

### **PELAWAAN SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG MULAI 1 NOVEMBER 2020 HINGGA 31 OKTOBER 2022 BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat Kawalan Keselamatan yang telah berdaftar dengan ePerolehan Penang sahaja untuk menyertai sebut harga di atas.
2. Sebut harga boleh didapati melalui muat turun Portal Kerajaan Pulau Pinang <http://ep.penang.gov.my>
3. Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Jabatan Kehakiman Syariah, Aras 5, Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Georgetown, Pulau Pinang pada/ sebelum **15 Oktober 2020 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang lewat akan ditolak.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

t.t

**(MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)**

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang

**LAMPIRAN Q**  
**KERAJAAN MALAYSIA**  
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN NO.170)**

SEBUT HARGA/ ~~TENDER BAGI BEKALAN/~~  
PERKHIDMATAN

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh:-

..... JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PULAU PINANG  
..... NO. 3 JALAN BATU GANTUNG  
..... 10450 PULAU PINANG

..... **15 Oktober 2020**

.....  
(Nama & Alamat Syarikat)

- 
1. Sila beri sebut harga bagi bekalan perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
  2. Syarat-syarat: Penyebutharga hendaklah berdaftar dengan ePerolehan Penang bagi membolehkan dan melayakkan syarikat menyertai pelawaan sebut harga ini, menyertakan profail syarikat dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
  3. Tarikh dikehendaki diserahkan: sebelum/ pada **15 Oktober 2020 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**.
  4. Wajib mengisi Borang Integrity Pact yang disediakan seperti di Lampiran A1.
  5. Pengiriman: Melalui Peti Sebut harga, Jabatan Kehakiman Syariah, Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang.
  6. Pembayaran: Local Order
  7. Sebut harga mestilah sampai ke alamat di atas tidak lewat daripada **jam 12.00 tengah hari sebelum/ pada 15 Oktober 2020 (Khamis)** dan sah selama 90 hari selepas itu.
  8. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam satu sampul berlakri yang ditanda "Sebut harga **JKSNPP/KK/DTL/BIL.11/2020**

t.t

**(MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)**

Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang

**SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN  
DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG  
MULAI 1 NOVEMBER 2020 HINGGA 31 OKTOBER 2022 BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

BIL.	PERIHAL KERJA- KERJA	BILANGAN ANGGOTA / MASA	PENGIRAAN BAYARAN GAJI SEBULAN BAGI SEORANG ANGGOTA KESELAMATAN (Sila tunjukkan pengiraan di ruang ini @ jika tidak mencukupi sertakan lampiran berasingan)	(a)	(b)
				<b>HARGA SEBULAN + CUKAI PERKHIDMATAN (RM)</b>	<b>*NILAI KONTRAK 2 TAHUN (RM)</b>
1.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di <b>Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang</b>	<b>3 orang</b> anggota  (2 siang dan 1 malam)  <b>2 Syif</b> (7.00 pagi – 7.00 malam) 12 Jam dan (7.00 malam - 7.00 pagi) 12 Jam	Sejam = RM.....   Sejam (RM ) x 12 jam = Gaji Seorang	Gaji seorang x 30.5 hari = Gaji bulanan seorang   Gaji bulanan seorang x 3 = RM  SST = RM	<b>*(b = a x 24 bulan)</b>
2.	KWSP (Majikan)	<b>3 orang</b> anggota			
3.	PERKESO (Majikan)	<b>3 orang</b> anggota			
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>

**Catatan:**

***(Tawaran harga kontrak ini adalah muktamad dan tiada lagi perubahan harga selepas kontrak ditandatangani)***

Saya/ Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat seperti dilampiran berkepil.

Nama Syarikat : .....

Alamat : .....

No. Tel : .....

Tarikh : .....



## **SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA**

1. Syarikat dikehendaki mengemukakan satu salinan sijil-sijil tersebut dan hendaklah **masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** ini untuk menyertai sebut harga ini.
  - 1.1 Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat/ Bumupitera daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
  - 1.2 Lesen, permit atau kebenaran menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan yang sah dan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KDN);
  - 1.3 Kelulusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 13 Akta Cukai Jualan Perkhidmatan 2018;
  - 1.4 Syarikat adalah anggota Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) sebagai ahli yang sah;
  - 1.5 Sijil Kursus Certified Security Guards (CSG); dan
  - 1.6 Profil syarikat.
2. “Kadar sebut harga” hendaklah disebutkan secara jumlah keseluruhan bagi mengadakan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan untuk jangka masa satu bulan kalender bagi setiap bangunan-bangunan yang disenaraikan. **Cukai Perkhidmatan Kerajaan hendaklah dikira berasingan.**
3. Kontrak ini dijangka akan bermula pada **1 November 2020** atau pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima sebut harga kelak.
4. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang berhak menamatkan kontrak bila-bila masa terhadap perkhidmatan yang gagal mematuhi perjanjian kontrak ini tanpa apa-apa tuntutan gantirugi.
5. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga yang terendah semestinya dipilih.
8. Wajib mengisi Borang Integrity Pact seperti di Lampiran A1.
9. Lawatan tapak adalah **tidak diwajibkan**. Dalam hal ini, sekiranya pihak syarikat ingin membuat lawatan di kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah **diwajibkan**.

**SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI MAHKAMAH RENDAH  
SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG MULAI 1 NOVEMBER 2020 HINGGA  
31 OKTOBER 2022 BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**PERKHIDMATAN KAWALAN YANG DIPERLUKAN**

**1.0 AM**

1.1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan meliputi tugas :-

1.1.1 Menjaga dan mengawal segala bentuk keselamatan terhadap bangunan, barang-barang di dalam dan di luar bangunan, lalulintas dan segala harta benda yang terdapat dalam bangunan samada milik Kerajaan, kakitangan, pelanggan-pelanggan dan pelawat - pelawat setiap masa.

1.1.2 Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh Ketua Hakim Syarie atau mana-mana pegawai di Ibu Pejabat Jabatan ini termasuklah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Pegawai-Pegawai di Mahkamah Daerah berkenaan dari semasa ke semasa.

1.2 Sistem ini dibahagikan kepada dua (2) jenis perkhidmatan seperti berikut:-

1.2.1 Kawalan pada waktu pejabat.

1.2.2 Kawalan selepas waktu pejabat dan hari kelepasan.

**2.0 KAWALAN PADA WAKTU PEJABAT**

2.1 Membuka dan menutup pintu-pintu pagar dan pintu-pintu keluar/ masuk.

2.2 Kawalan keluar/ masuk ke kawasan dan bangunan termasuk:-

2.2.1 Memeriksa penjawat awam dan kakitangan sekiranya disyaki dengan munasabah bahawa orang itu telah atau akan melakukan kesalahan jenayah atau mengganggu atau menyusahkan orang ramai dan menyerahkannya dengan serta-merta kepada pihak yang berkuasa.



- 2.2.2 Memerhatikan orang awam keluar/ masuk ke tingkat atas menggunakan lif atau tangga tanpa urusan rasmi.
- 2.2.3 Memastikan kenderaan awam tidak meletakkan kenderaan di tempat letak kereta khas yang disediakan kepada kakitangan pejabat.
- 2.2.4 Bertanggungjawab memberi tunjuk arah dan penerangan asas kepada orang awam tentang tempat berurusan/ kaunter pendaftaran dan kawasan-kawasan yang hendak dikunjungi.

### **3.0 KAWALAN SELEPAS WAKTU PEJABAT DAN HARI KELEPASAN**

- 3.1 Memeriksa dan memastikan semua lampu-lampu dalam bangunan ditutup (*switch off*), kecuali tempat-tempat tertentu sahaja dinyalakan.
- 3.2 Memasang lampu-lampu keselamatan termasuk lampu pagar, lampu koridor, *spotlight*.
- 3.3 Mengunci dan menutup salah satu pintu pagar keluar/ masuk yang tidak diperlukan tepat pukul 5.30 petang setiap hari.
- 3.4 Merekod butiran diri orang awam yang masuk ke kawasan/ bangunan.
- 3.5 Memeriksa dan memastikan kakitangan dan orang awam yang tidak berkenaan agar tidak berada di dalam kawasan/ bangunan.
- 3.6 Membuat rondaan di sekitar kawasan berpagar dan dalam bangunan mengikut masa yang ditetapkan dan mengunci jam (*clocking*) iaitu setiap 2 jam sekali.

### **4.0 TUGAS-TUGAS TERTENTU**

#### **4.1 PONDOK PENGAWAL/ KAUNTER PENGAWAL**

- 4.1.1 Pondok Pengawal/ Kaunter Pengawal mesti dalam keadaan kemas, bersih, teratur setiap masa.
- 4.1.2 Buku Laporan, Buku Pelawat dan lain-lain buku mesti ditulis dengan terang, kemas dan teratur setiap masa.

4.1.3 Lampu di pondok Pengawal/ Kaunter Pengawal mesti dipasang sepanjang malam.

## **4.2 PINTU MASUK UTAMA**

4.2.1 Pintu pagar masuk utama hendaklah dibuka pada jam 7.00 pagi dan ditutup pada jam 6.00 petang pada tiap-tiap hari bekerja. Walau bagaimanapun, kebenaran masuk dan keluar boleh diberi kepada kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah, Pulau Pinang yang berkaitan sahaja selepas waktu bekerja dengan membuat catatan dalam Buku Keluar/ Masuk yang disediakan di Pondok Pengawal.

4.2.2. Pintu masuk utama hendaklah ditutup pada hari cuti mingguan dan hari kelepasan am kecuali bagi kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah, Pulau Pinang dan orang tertentu sahaja (setelah mendapat kebenaran Pegawai Keselamatan Mahkamah berkenaan).

## **5.0 BUKU LAPORAN**

5.1 Buku laporan berikut adalah perlu dilengkapkan setiap hari oleh pengawal-pengawal yang bertugas.

5.1.1. Buku laporan harian, buku laporan keluar/ masuk kenderaan ke kawasan bangunan.

5.1.2. Buku pelawat/ pelanggan.

## **6.0 KEANGGOTAAN PENGAWAL**

6.1 Warganegara Malaysia yang terlatih;

6.2 Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia;

6.3 Tidak mempunyai rekod jenayah dan telah disahkan lulus tapisan keselamatan oleh KDN;

6.4 Tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia;

- 6.5 Telah menjalani pemeriksaan kesihatan yang rapi dan disahkan sihat tubuh badan, penglihatan yang baik dan mempunyai rekod perubatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan;
- 6.6 Melebihi umur 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun;
- 6.7 Bebas daripada dadah dan ganja; dan
- 6.8 Lelaki sahaja.

Bilangan keanggotaan Pengawal bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang diperlukan adalah seperti berikut (orang yang berlainan).

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI</b>	<b>BIL. ANGGOTA</b>	<b>MASA BERTUGAS (2 SYIF)</b>
1.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	3 orang - 2 siang dan 1 malam	Tiap-tiap hari termasuk hari cuti am

## 7.0 KELENGKAPAN

Syarikat hendaklah menyediakan kelengkapan seperti berikut sepanjang tempoh kontrak:-

- 7.1 Pakaian seragam lengkap dengan tanda nama. Memakai kasut bertutup;
- 7.2 *Walkie talkie*, cota, wisel, lampu suluh, baju hujan, *vest*, *first aid kit* dan lain-lain keperluan dari semasa ke semasa;
- 7.3 Memasang 4 “**sistem watchman clocking**” di bangunan untuk tujuan pemantauan rondaan setiap dua (2) jam; dan
- 7.4 Menyelenggara 'CCTV' yang sedia ada. Kos penyelenggaraan di bawah tanggungan syarikat.

## 8.0 TANGGUNGJAWAB

- 8.1 Anggota pengawal bertanggungjawab kepada Pegawai Keselamatan Jabatan, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah, Pegawai Keselamatan Daerah dan Pegawai-Pegawai Tadbir di Mahkamah Daerah berkenaan, atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya.
- 8.2 Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia berhak menentukan pelaksanaan perkhidmatan tersebut.
- 8.3 Menyelenggarakan buku catatan di atas segala peristiwa atau kejadian berkaitan dengan keselamatan serta mengemukakan kepada Pegawai Keselamatan Jabatan, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah, Pegawai Keselamatan Daerah atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya.
- 8.4 Menghubungi pihak berkenaan termasuk Pegawai Keselamatan Jabatan, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah, Pegawai Keselamatan Daerah, Polis, Bomba, Hospital pada masa kecemasan.
- 8.5 Memberi bantuan mula terhadap keperluan kecemasan termasuk memadam kebakaran dan kecederaan.
- 8.6 Syarikat hendaklah membayar gantirugi dan bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemusnahan harta benda Kerajaan akibat kecuaiannya sebanyak 10% daripada bayaran bulanan.

## **9.0 PERJANJIAN**

- 9.1 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang berhak menamatkan kontrak bila-bila masa terhadap perkhidmatan yang gagal mematuhi perjanjian tanpa apa-apa tuntutan gantirugi.
- 9.2 Syarikat terikat dengan peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 9.3 Syarikat dikehendaki mengemukakan senarai anggota pengawal kepada Pejabat Ketua Pengawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk tapisan keselamatan.

## **10. DENDA**

Sekiranya berlaku kekurangan kakitangan disebabkan oleh ketidakhadiran atau cuti sakit atau cuti tahunan, Syarikat hendaklah mengambil tindakan serta-merta menyediakan pengganti sementara, untuk mencukupkan bilangan seperti yang dinyatakan di para 4. Pengawal gantian itu hendaklah melaporkan diri kepada Pegawai Keselamatan Jabatan, Hakim Mahkamah Syariah Daerah, Pegawai Keselamatan Daerah atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya tidak lewat daripada 1 jam daripada waktu dia mula bertugas bagi satu-satu syif. Kegagalan menyediakan pengganti akan menyebabkan potongan dibuat mengikut kadar bayaran kontrak mengikut jam dan bilangan pengawal berdasarkan hari tidak hadir bekerja.

## **11. BAYARAN**

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang akan membuat bayaran secara bulanan kepada Syarikat setelah perkhidmatan kawalan keselamatan disempurnakan dengan memuaskan untuk bulan yang berkenaan dengan menghantar "*invoice*" beserta laporan Pengesahan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang disahkan oleh Pegawai Keselamatan Daerah di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Perkara yang perlu disertakan semasa mengemukakan invois pembayaran ialah:

- 7.1 Jadual kedatangan pekerja (Salinan Kad Perakam Waktu);
- 7.2 Salinan penyata bank;
- 7.3 Salinan slip gaji pekerja;
- 7.4 Salinan caruman KWSP dan PERKESO;
- 7.5 Buku laporan;
- 7.5 Cetakan rekod rondaan (clocking); dan
- 7.6 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat.

**12. LAIN-LAIN**

Masa perkhidmatan setiap giliran anggota pengawal tidak melebihi 12 jam.

## SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN  
DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG  
MULAI 1 NOVEMBER 2020 HINGGA 31 OKTOBER 2022 BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

Saya, ..... (Pemilik Syarikat)  
Nombor K.P..... yang memiliki .....(Nama Syarikat)  
nombor pendaftaran ..... (MOF/PPKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan  
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi  
rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang** (Nama  
Jabatan/ Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan ~~tender~~/ sebut harga\*  
seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa saya mewakili syarikat seperti  
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar  
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau  
Pinang** (Nama, Jabatan Agensi) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan ~~tender~~/ sebut  
harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat/ wakil syarikat bersetuju bahawa Kerajaan  
Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~/ sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi ~~tender~~/ sebut harga\* yang ditandatangani tanpa bayaran  
gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan  
rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana  
individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran untuk dipilih dalam ~~tender~~/ sebut harga\*  
seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... (Tandatangan)

Nama :

No. KP:

Cop Syarikat :

Catitan: \*Potong mana yang tidak berkaitan